



JABATAN PERDANA MENTERI
AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA

KENYATAAN MEDIA

PENAMBAHAN KESEDIAAN LOGISTIK BENCANA DI NEGERI- NEGERI TERKESAN BANJIR

1. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengambil langkah awal memastikan keperluan logistik bencana berada pada tahap optimum sebelum musim Monsun Timur Laut 2025/2025 bermula meliputi pembekalan bantuan makanan, *Collapsible Cubicle Tent* (C-Tent) serta aset Jambatan Keluli Bermodular (Bailey Bridge).
2. Persediaan sebanyak 60,000 bekalan Kit Makanan (KM) untuk mangsa bencana selepas keluar dari PPS serta 110,000 unit Makanan Retort (MRE) untuk petugas operasi di lapangan serta untuk kegunaan hari pertama PPS dibuka telah dihantar ke depoh-depoh di seluruh negara.
3. NADMA bekerjasama dengan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menyediakan bekalan makanan semasa bencana secara berfasa.
4. Seiring peningkatan kejadian banjir di Semenanjung Malaysia, NADMA telah menerima permohonan tambahan daripada JPBN Perak, Selangor, Kedah serta JKM Perlis yang melibatkan 3,000 unit KM dan 6,700 unit MRE bagi memenuhi keperluan petugas dan mangsa bencana di negeri-negeri tersebut.

5. NADMA sedang menyelaras penghantaran bekalan tambahan kepada negeri-negeri yang terlibat dengan kadar segera.
6. Dari aspek bekalan stok Collapsible Cubicle Tent (C-Tent) pula sebanyak 128,186 unit C-Tent telah dibekalkan ke seluruh negara daripada pelbagai sumber iaitu:
 - (i) NADMA sebanyak 41,479 unit
 - (ii) Yayasan Sultan Johor sebanyak 40,166 unit
 - (iii) PETRONAS sebanyak 5,194 unit
 - (iv) JKM sebanyak 39,485 unit
 - (v) Lain-lain sebanyak 1,862 unit
7. NADMA bersedia untuk membuat penghantaran tambahan tambahan C-Tent jika terdapat keperluan di lapangan. Penyelarasan sedang dilaksanakan oleh Ibu Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi memastikan kesiapsiagaan negeri berada pada tahap optimum.
8. Bagi memperkukuh keupayaan pemulihan infrastruktur semasa bencana, NADMA telah menempatkan tujuh (7) set Jambatan Keluli Bermodular (*Bailey Bridge*) di lokasi-lokasi strategik iaitu 3 set di Negeri Sabah; 3 set di Negeri Sarawak dan 1 set di Negeri Kelantan.
9. *Bailey Bridge* berfungsi sebagai jambatan sementara yang dapat digunakan bagi menggantikan jambatan kekal yang rosak atau musnah akibat bencana alam seperti banjir besar, tanah runtuh, atau bencana lain yang sering berlaku di Malaysia, terutamanya semasa MTL.

10. NADMA menzahirkan penghargaan kepada semua JPBN dan JPBD serta pihak yang bertungkus lumus memastikan koordinasi pengurusan bencana di seluruh negara berjalan dengan lancar dan Kebajikan mangsa-mangsa bencana diberi keutamaan.

-TAMAT-

Agensi Pengurusan Bencana Negara

Jabatan Perdana Menteri

28 November 2025